



## Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 : Penambahbaikan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak di Malaysia

## Keganasan Terhadap Kanak-Kanak

### *Sexual Offences Against Children Act 2017: An Improvement of the Legislation on Sexual Offences Against Children in Malaysia*

37

Submitted: 29 January 2018  
Revised: 26 March 2018  
Accepted: 9 April 2018  
E-Published: 10 April 2018

NORAZLA ABDUL WAHAB (Corresponding Author)  
&  
MOHD FAROK MAT NOR  
Jabatan Undang-Undang  
Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bangi Selangor  
norazla@kuis.edu.my, mohdfarok@kuis.edu.my

### ABSTRAK

Penderaan seksual terhadap kanak-kanak merupakan satu bentuk keganasan yang boleh mengancam keselamatan dan hak asasi seorang kanak-kanak. Ia meninggalkan kesan yang mendalam terhadap mangsa di mana kanak-kanak ini akan mengalami kecederaan fizikal seperti sakit atau terdapat luka pada bahagian sulit atau dubur selain mengalami trauma emosi dan seksual seperti kemurungan, ketakutan dan kekeliruan. Ketiadaan undang-undang khas berkaitan pornografi, pengantunan (*sexual grooming*) dan amang seksual dalam perundangan sedia ada telah dikenal pasti antara penyebab berlakunya jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Malah sering kali pelaku jenayah tidak berjaya dibawa ke muka pengadilan. Penggubalan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) telah menambah baik kelompangan undang-undang tersebut. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis beberapa jenis kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang termaktub di dalam Akta 792 serta isu-isu yang berkaitan dengan pemakaian dan pelaksanaannya di Malaysia. Bagi menjalankan kajian ini, analisis dibuat terhadap Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 serta amalan yang diguna pakai oleh beberapa buah negara yang telah jauh ke hadapan dalam membanteras kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak di negara mereka. Kajian mendapati Akta 792 ini telah meluaskan skop kesalahan-kesalahan seksual selain turut menekankan aspek pencegahan penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Malah, undang-undang seumpamanya telah diguna pakai di beberapa buah negara di dunia seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan India. Selain itu, kajian ini adalah signifikan bagi membantu pihak pelaksana seperti mahkamah dan Kementerian Pembangunan Wanita,





Keluarga dan Masyarakat dalam menambah baik pelaksanaan undang-undang ini di Malaysia khususnya undang-undang berkaitan jenayah terhadap kanak-kanak di Malaysia.

**Kata Kunci:** Hak Asasi, Jenayah Seksual, Kanak-kanak, Keganasan, Kesalahan-kesalahan Seksual.

## ABSTRACT

Sexual abuse is a form of violence that can threaten the safety and the rights of the children. It has a profound effect on the victim in which the child will experience physical injuries such as illness or injury to the part of the anal as well as experiencing emotional and sexual traumas such as depression, fear and confusion. The absence of specific laws relating to pornography, sexual grooming and sexual assaults in the existing legislation has been identified as the causes of sexual crimes against children. Most often criminal offenders have not been brought to justice. The drafting of the Sexual Offences against Children Act 2017 (Act 792) has enhanced the legal breach of the law. In this regard, the article aims to analyze some types of sexual offences against children as defined in Act 792 as well as the issues related to its application and implementation in Malaysia. In order to carry out this study, an analysis was made on the Sexual Offences against Children Act 2017 (Act 792) as well as the practices by some countries in combating sexual crimes against children in their countries. The study found that Act 792 has expanded the scope of sexual offences as well as emphasizing the prevention of sexual abuse against children. In fact, such laws have been adopted in some countries in the world such as the United States, United Kingdom and India. Additionally, this study is significant to assist the authorities such as the courts and the Ministry of Women, Family and Community Development in improving the implementation of this law in Malaysia, particularly on the crimes against children in Malaysia.

**Keywords:** Human Rights, Sexual Crimes, Children, Violence, Sexual Abuse.

## PENDAHULUAN

Seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur bawah 18 tahun. Golongan rentan ini mewakili satu pertiga atau 29.4% daripada populasi negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Kebelakangan ini terdapat banyak isu melibatkan keselamatan dan perlindungan terhadap kanak-kanak dipaparkan di dada akhbar seperti kes kanak-kanak diculik, dirogol, dibunuh, didera dan sebagainya. Statistik dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak telah direkodkan dari tahun 2010 hingga Mei 2017 iaitu dengan purata kes sebanyak 3,176 kes setahun. Jumlah tersebut mewakili empat kategori penderaan seksual iaitu rogol sebanyak 13,272 kes diikuti cabul sebanyak 6,014 kes, sumbang mahram sebanyak 1,796 kes dan perbuatan luar tabii sebanyak 1,152 kes. Kajian menunjukkan satu daripada empat kanak-kanak perempuan dan satu daripada enam kanak-kanak lelaki



telah menjadi mangsa penderaan seks sebelum mereka berumur 18 tahun (Pereda N. et al, 2009). Ini menunjukkan setiap kanak-kanak terdedah kepada risiko untuk menjadi mangsa kepada penderaan seksual.

Takrifan penderaan seksual terhadap kanak-kanak yang diterima pakai umum ialah definisi yang diberikan oleh United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF) dan World Health Organization (WHO). Menurut UNICEF (2010) dan WHO<sup>1</sup> (1999), penderaan seksual terhadap kanak-kanak ialah penglibatan kanak-kanak dalam kegiatan seksual yang tidak difahaminya dengan baik, yang tidak dapat dipersetujuinya dengan arif, atau yang melanggar undang-undang atau kelaziman masyarakat. Penderaan seksual tersebut merangkumi perbuatan meraba-raba kemaluan, memperkosa, merogol dan menaikkan syahwat kanak-kanak dengan meminta secara tidak berpatutan, mendedahkan bahagian tubuh yang sulit atau menunjukkan bahan-bahan lucah. Kelakuan yang tidak melibatkan sentuhan seperti mengintai, mendedahkan bahagian tubuh yang sulit dan kata-kata lucah yang diucapkan kepada kanak-kanak juga merupakan penderaan seksual. Selain itu, mengeksploitasikan kanak-kanak untuk tujuan pornografi melalui internet dan menggunakan bahan tersebut untuk membolehkan seseorang kanak-kanak itu digunakan oleh orang lain sebagai pelacur juga merupakan suatu bentuk penganiayaan seksual. Lazimnya penderaan seksual terhadap kanak-kanak bertujuan memberi kepuasan seksual kepada orang yang melakukannya.

Penderaan seksual terhadap kanak-kanak turut dijelaskan di dalam Seksyen 17(2)(c) Akta Kanak-kanak 2001 iaitu seseorang kanak-kanak adalah teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain. Penderaan seksual akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada diri mangsa. Antaranya kanak-kanak akan mengalami trauma emosi seperti kemurungan, perubahan tingkah laku, trauma seksual juga mengalami kecederaan fizikal seperti lebam, pendarahan, kemerah-merahan dan ruam khususnya di bahagian alat sulit.

Kebanyakan takrifan mengenai penderaan seksual adalah merangkumi tiga bahagian iaitu perbuatan sentuhan, perbuatan tanpa sentuhan dan pornografi kanak-kanak. Perbuatan sentuhan ialah apabila berlaku interaksi

---

<sup>1</sup> Definisi penderaan seksual menurut WHO "*Child sexual abuse is the involvement of a child in sexual activity that he or she does not fully comprehend, is unable to give informed consent to, or for which the child is not developmentally prepared and cannot give consent, or that violates the laws or social taboos of society. Child sexual abuse is evidenced by this activity between a child and an adult or another child who by age or development is in a relationship of responsibility, trust or power, the activity being intended to gratify or satisfy the needs of the other person. This may include but is not limited to: the inducement or coercion of a child to engage in any unlawful sexual activity; the exploitative use of a child in prostitution or other unlawful sexual practices; the exploitative use of children in pornographic performance and materials*".



seksual pada bahagian sulit kanak-kanak seperti memasukkan objek ke bahagian sulit, mulut atau dubur, melakukan seks oral dan meliwat, mencium menggunakan lidah, menyentuh secara seksual iaitu dengan meraba bahagian sulit dan bahagian badan. Manakala perbuatan tanpa sentuhan ialah apabila menunjukkan bahan-bahan lucah kepada kanak-kanak, menggalakkan kanak-kanak dengan kata-kata, menipu, memaksa atau mengugut kanak-kanak untuk melakukan sebarang aktiviti seksual atau pelacuran, membuat pameran, menggalakkan kanak-kanak untuk melihat bahagian sulit, panggilan lucah, menghantar kata-kata lucah, merekod video serta gambar-gambar. Pornografi pula ialah apabila perlakuan seks kanak-kanak itu direkodkan.

Bertitik tolak dari takrifan-takrifan yang diberikan oleh UNICEF, WHO dan Akta Kanak-kanak 2001 tersebut, beberapa kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak telah dikenal pasti dan diperuntukkan di dalam satu akta khas yang dikenali sebagai Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Akta 792 ini telah meluaskan skop jenayah seksual terhadap kanak-kanak dengan menyenaraikan pornografi, pengantunan (*sexual grooming*) dan amang seksual sebagai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang bakal mensabitkan pelaku jenayah di bawah Akta ini.

Walaupun terdapat beberapa perundangan sedia ada yang memberi peruntukan mengenai jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti rogol (Seksyen 375 dan 376 Kanun Keseksaan), sumbang mahram (Seksyen 376A dan 376B Kanun Keseksaan), hubungan luar tabi'i (Seksyen 377 Kanun Keseksaan) dan pencabulan kehormatan (Seksyen 354 Kanun Keseksaan). Namun ketiadaan undang-undang dan peruntukan khas berkaitan pornografi, pengantunan (*sexual grooming*) dan amang seksual dalam perundangan sedia ada sebelum ini telah dikenal pasti antara penyebab berlakunya jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Kelompangan undang-undang tersebut mengakibatkan pendakwaan kes gagal dijalankan malah sering kali pelaku jenayah tidak berjaya dibawa ke muka pengadilan.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis tiga kesalahan-kesalahan seksual tersebut serta isu-isu yang berkaitan dengan pemakaian dan pelaksanaannya di Malaysia. Artikel ini akan membincangkan sejarah dan perkembangan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017, jenis kesalahan-kesalahan seksual dan hukuman yang termaktub di dalam Akta ini serta beberapa isu yang berkaitan dengan pemakaian dan pelaksanaan undang-undang tersebut di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap beberapa



dokumen perundangan seperti Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 dan beberapa perundangan lain yang berkaitan seperti Akta Kanak-kanak 2001, Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Kanun Keseksaan, Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017 dan Kanun Tatacara Jenayah. Beberapa perundangan dan amalan yang diguna pakai oleh Amerika Syarikat, United Kingdom, Scotland dan India dalam membanteras kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak di negara mereka turut dirujuk iaitu The Sex Crimes Against Children Prevention Act of 1995 (Amerika Syarikat), UK's Sexual Offences Act 2003 (United Kingdom), The Sexual Offences (Scotland) Act 2009 (Scotland) dan The Protection of Children From Sexual Offences Act, 2012 (India). Kandungan di dalam penyata rasmi atau hansard Parlimen bertarikh 4 April 2017 iaitu ketika bacaan kedua atau perbahasan mengenai Rang Undang-undang Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 di Parlimen juga turut dianalisis bagi mengenal pasti sejarah dan perkembangan Akta 792 serta isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaannya di Malaysia.

### **SEJARAH PERKEMBANGAN AKTA KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017**

Peningkatan kes penderaan dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak saban tahun telah membuka mata banyak pihak untuk mengambil perhatian serius terhadap perkara ini. Sekitar tahun 2007, negara pernah digemparkan dengan kes jenayah seksual yang tidak berperikemanusiaan iaitu kes Allahyarhamah Nurin Jazlin Jazimin yang berusia 8 tahun ketika kejadian tersebut berlaku (Utusan Online, 29 September 2007). Tragisnya, pelaku jenayah tersebut tidak dapat diberkas sehingga ke hari ini. Isu ini juga turut hangat diperkatakan di dalam perbahasan Parlimen sejak tahun 2015. Antaranya melalui pertanyaan bukan lisan yang diajukan oleh YB Tuan Ahmad Marzuk Shaary kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai statistik kes penderaan dan penculikan kanak-kanak bagi tahun 2015 dan langkah kerajaan bagi menangani masalah tersebut.

Kemuncak kepada penggubalan akta khas berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini ialah apabila negara dikejutkan dengan penangkapan Richard Huckle, 30 tahun iaitu seorang warganegara Britain pada Jun 2016 yang lalu. Huckle menghadapi 91 pertuduhan di Mahkamah London melibatkan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti melakukan hubungan seks dengan kanak-kanak, mengambil gambar dan merakam video penderaan terhadap kanak-kanak serta memuat naik video tersebut ke laman web gelap bagi tujuan kegiatan haram. Kesalahan tersebut turut membabitkan 23 kanak-kanak di Malaysia ketika Huckle menjadi guru bahasa Inggeris di sebuah gereja Kristian di Kuala Lumpur (Salleh Buang, 1 Julai 2016).

Usaha serius untuk menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini bermula apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan penubuhan satu jawatankuasa bertindak untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak pada sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016 yang diadakan pada 25 Ogos 2016. Jawatankuasa tersebut telah mengadakan kerjasama



strategik dengan Program PERMATA di bawah naungan Datin Paduka Seri Rosmah Mansor yang bertujuan untuk menggerak usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang jenayah seksual terhadap kanak-kanak termasuk cadangan langkah legislatif sebagai usaha membanteras jenayah tersebut. Satu seminar jenayah seksual terhadap kanak-kanak telah diadakan pada 13-14 Mac 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan cara melindungi kanak-kanak daripada ancaman jenayah tersebut serta membincangkan keperluan untuk mewujudkan satu akta baru berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak (Rohani Abdul Karim, 13-14 Mac 2017).

Rentetan daripada seminar jenayah seksual terhadap kanak-kanak tersebut, YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah membuat dua pengumuman penting, iaitu kerajaan akan mewujudkan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 iaitu sebuah undang-undang baharu dan khusus bagi menangani kesalahan jenayah seksual kanak-kanak secara holistik dan komprehensif. Kerajaan juga akan menubuhkan Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual terhadap kanak-kanak (Syukri & Farhana, 14 Mac 2017).

Mahkamah ini berbeza dengan Mahkamah Kanak-kanak sedia ada kerana Mahkamah Kanak-kanak berfungsi untuk mendengar dan memutuskan apa-apa pertuduhan terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Manakala Mahkamah Jenayah khas yang didengar di Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa yang lebih tinggi daripada Mahkamah Kanak-kanak tersebut. Prosiding akan dikendalikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang mempunyai kepakaran dalam undang-undang berkaitan kanak-kanak bersama-sama timbalan pendakwaraya dan peguam. Para pegawai yang terlibat dikehendaki menjalani Kursus Pengurusan Jenayah Seksual Kanak-Kanak di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) di Bangi, Selangor sebagai persediaan bagi mengendalikan kes tersebut.

Sehingga tarikh artikel ini ditulis, hanya terdapat satu Mahkamah Jenayah Khas di Putrajaya yang akan mendengar kes-kes berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang berlaku di Shah Alam, Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Md Raus, 2017). Kerajaan bercadang untuk mewujudkan lebih banyak Mahkamah Jenayah Khas seumpamanya di seluruh Malaysia secara berperingkat. Penubuhan mahkamah ini juga adalah yang terawal di Asia Tenggara (Mohd Husni, 22 Jun 2017).

Seterusnya kabinet pada 24 Mac 2017 telah meluluskan cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 untuk dibentangkan di Parlimen. Sejurus selepas pengumuman tersebut dibuat, RUU tersebut telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada 28 Mac 2017 yang lalu. Bacaan kali kedua dan ketiga telah dijalankan pada 4 April 2017 dan undang-undang ini telah diluluskan pada 28 April 2017 (Parlimen, 2017). Akta ini berkuat kuasa pada 10 Julai 2017 (Malaysiandigest.com, 7 Julai 2017) dan menambah baik kelompangan undang-undang sedia ada berkaitan kesalahan-kesalahan seksual



terhadap kanak-kanak terutamanya bagi kesalahan pornografi dan pengantunan kanak-kanak (*child sexual grooming*).

Penggubalan undang-undang ini bertujuan untuk menangani keseriusan kesalahan seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak di Malaysia dengan menekankan langkah pencegahan awal sekaligus meningkatkan perlindungan terhadap kanak-kanak daripada penjenayah seksual serta menjaga kebajikan kanak-kanak itu sendiri (Salleh Buang, 8 September 2017). Secara asasnya Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 ini menyentuh empat perkara utama iaitu mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak seperti pornografi kanak-kanak, pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) serta amang seksual (fizikal dan bukan fizikal), hukuman terhadap pelaku jenayah dan orang yang mempunyai perhubungan amanah yang terlibat atau bersubahat dalam kesalahan-kesalahan seksual tersebut, keterangan saksi kanak-kanak dan kewajipan melaporkan (Salleh Buang, 8 September 2017).

### **KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK**

Terdapat tiga jenis kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang dibincangkan di dalam Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 ini. Bahagian II Akta ini membincangkan kesalahan berkaitan pornografi kanak-kanak. Manakala bahagian III Akta ini membincangkan kesalahan berkaitan pengantunan kanak-kanak (*child sexual grooming*) dan kesalahan amang seksual (fizikal dan bukan fizikal) dibincangkan di dalam bahagian IV.

#### **Pornografi**

Seksyen 4 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 telah mendefinisikan pornografi sebagai apa-apa gambaran, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai seorang kanak-kanak yang sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan atau mengenai seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak yang sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan, mengenai imej realistik seorang kanak-kanak sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan, atau mengenai imej realistik seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan.

Perlakuan seksual secara terang-terangan tersebut termasuklah perbuatan atau simulasi persetubuhan atau perbuatan yang memberahikan termasuk kontak fizikal yang melibatkan alat kelamin, mulut dengan alat kelamin, dubur dengan alat kelamin, atau mulut dengan dubur di antara orang yang sama jantina atau berlainan. Selain itu perbuatan kebinatangan, onani dan menunjukkan alat kelamin, punggung, payudara, bahagian pubik atau dubur bagi tujuan seksual juga adalah dikategorikan sebagai perlakuan seksual di bawah seksyen 4(b) Akta ini.



Definisi pornografi ini telah diambil dari Budapest Convention (European Treaty Series - No. 185) iaitu satu konvensyen antarabangsa berkaitan jenayah siber. Artikel 9 konvensyen tersebut menerangkan pornografi kanak-kanak sebagai:

- a) *producing child pornography for the purpose of its distribution through a computer system;*
- b) *offering or making available child pornography through a computer system;*
- c) *distributing or transmitting child pornography through a computer system;*
- d) *procuring child pornography through a computer system for oneself or for another person;*
- e) *possessing child pornography in a computer system or on a computer-data storage medium.*

*The term "child pornography" shall include pornographic material that visually depicts:*

- a) *a minor engaged in sexually explicit conduct;*
- b) *a person appearing to be a minor engaged in sexually explicit conduct;*
- c) *realistic images representing a minor engaged in sexually explicit conduct.*

Bahagian II Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 ini turut menyenaraikan beberapa kesalahan berkaitan pornografi seperti yang dinyatakan di dalam jadual 1 di bawah. Secara ringkasnya, Bahagian II Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 memperuntukkan larangan menggunakan kanak-kanak atau mengeksploitasi kanak-kanak dalam proses persediaan atau pembuatan untuk melakukan, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak. Ia turut merangkumi pengumpulan, penerbitan dan penjualan atau mengambil bahagian atau menerima keuntungan dari hasil jualan bahan pornografi kanak-kanak termasuk mengakses atau memiliki bahan pornografi tersebut. Seseorang dikatakan telah mengakses pornografi kanak-kanak sekiranya dia melihat pornografi kanak-kanak atau bahan tersebut dihantar kepada dirinya.

Seksyen 293 Kanun Keseksaan juga memperuntukkan kesalahan pornografi apabila seseorang menjual, menyewa, membahagi-bahagikan, menunjukkan atau mengedarkan dokumen lucah kepada seseorang yang berumur kurang daripada dua puluh tahun. Namun Seksyen 9 Akta 792 memperuntukkan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan pornografi berbanding penjara lima tahun atau denda di bawah seksyen 293 Kanun Keseksaan. Ini bagi membendung kes eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak umpamanya oleh seseorang pemangsa pedofilia. Malah Seto et al (2006) menegaskan bahawa seseorang yang melakukan jenayah pornografi kanak-kanak mempunyai keberangkalian yang besar untuk melakukan serangan seksual terhadap kanak-kanak tersebut.



Jadual 1: Kesalahan Berkaitan Pornografi

| Seksyen | Kesalahan   | Hukuman  |
|---------|---|--|
| 5       | Membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak.   | Penjara tidak melebihi 30 tahun; dan tidak kurang 6 kali sebatan.                      |
| 6       | Membuat persediaan membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak.                                | Penjara tidak melebihi 10 tahun; dan sebatan.  |
| 7       | Menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarah pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak.                       | Penjara tidak melebihi 20 tahun; dan tidak kurang 5 kali sebatan.                      |
| 8       | Bertukar-tukar, menerbitkan, mencetak, menghasilkan semula, mengiklankan, mengimport dan mengeksport, mengumpul pornografi kanak-kanak. | Penjara tidak melebihi 15 tahun; dan tidak kurang 3 kali sebatan.                      |
| 9       | Menjual pornografi kanak-kanak kepada kanak-kanak   | Penjara tidak melebihi 15 tahun; dan tidak kurang 5 kali sebatan.                      |
| 10      | Mengakses pornografi kanak-kanak.   | Penjara tidak melebihi 5 tahun; atau denda tidak melebihi RM10,000; atau kedua-duanya. |

Sumber: Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017

### Pengantunan (*Sexual Grooming*)

Pengantunan kanak-kanak bermaksud suatu proses berkawan dan mendekati kanak-kanak serta memperoleh kepercayaan mereka dengan niat untuk mengeksploitasi mereka secara seksual (Craven.et. al 2006). Terdapat beberapa peringkat bagaimana pengantunan kanak-kanak dilakukan. Georgia M. Winter & Elizabeth L. (2017) menjelaskan proses pertama dimulakan dengan pemilihan mangsa yang kebiasaannya terdiri daripada kanak-kanak kerana kanak-kanak paling mudah untuk dipengaruhi. Seterusnya mengasingkan kanak-kanak tersebut dari orang sekeliling supaya mangsa boleh bergantung sepenuhnya kepada pemangsa. Kemudian pemangsa akan mendekati dan mendapatkan kepercayaan kanak-kanak tersebut. Hasil dari kepercayaan tersebut pemangsa akan secara beransur-ansur melakukan kontak fizikal atau menyentuh badan kanak-kanak tersebut seterusnya melakukan perbuatan seksual terhadap mereka.

Kesalahan berkaitan pengantunan kanak-kanak (*child sexual grooming*) dibincangkan dalam Bahagian III Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017. Definisi *child sexual grooming* yang diperuntukkan di dalam Akta ini adalah mengambil contoh peruntukan seksyen 66EB (2), 66EB (2A) dan (2B) Crimes Act 1900 dan Crimes Amendment (Sexual Offences) Act 2008 (New South Wales, Australia). Seksyen 12, 13 dan 14 Akta 792 menerangkan kaedah pengantunan (*sexual grooming*) kanak-kanak iaitu bermula dengan komunikasi secara seksual oleh penjenayah atau menggalakkan kanak-kanak tersebut untuk berkomunikasi secara seksual, diikuti proses pengantunan



seterusnya diakhiri dengan pertemuan di antara pelaku jenayah dan kanak-kanak. Seseorang dikatakan berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak jika komunikasi itu atau mana-mana bahagian komunikasi itu adalah berhubung dengan aktiviti yang bersifat seksual. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan jika komunikasi tersebut adalah bagi tujuan pendidikan sains dan perubatan.

Melalui undang-undang baharu ini, pelaku atau penjenayah boleh didakwa di mahkamah walaupun hanya melalui bukti rakaman perbualan atau kiriman teks. Seksyen 13 Akta 792 ini memperuntukkan bahawa pihak berkuasa boleh menahan individu yang dalam perjalanan bertemu bakal mangsa dan memadam dengan bukti yang menunjukkan dia telah melakukan perbuatan pengantunan (*sexual grooming*) tersebut. Malah seksyen 12(2) dan 13(2) Akta ini juga menegaskan bahawa mana-mana prosiding di bawah seksyen ini adalah tidak perlu dibuktikan.

Jadual 2 di bawah menerangkan proses dan kesalahan-kesalahan serta hukuman berkaitan pengantunan kanak-kanak seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian III Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017:

Jadual 2: Kesalahan berkaitan Pengantunan (*Sexual Grooming*)

| Proses      | Seksyen                        | Kesalahan  | Hukuman                                   |
|-------------|--------------------------------|--|---|
| Komunikasi  | 11                             | Komunikasi secara seksual atau menggalakkan seseorang kanak-kanak berkomunikasi secara seksual.  | Penjara tidak melebihi 3 tahun.           |
| Pengantunan | 12,<br>Misalan<br>(a) &<br>(b) | Proses berkawan dan mendekati kanak-kanak serta memperoleh kepercayaan mereka dengan niat untuk mengeksploitasi mereka secara seksual.                           | Penjara tidak melebihi 5 tahun; Sebatan.  |
| Perjumpaan  | 13,<br>Misalan<br>(a) &<br>(b) | Membuat perjalanan untuk berjumpa dengan kanak-kanak tersebut atau berjumpa dengan kanak-kanak tersebut dengan niat untuk melakukan kesalahan-kesalahan seksual. | Penjara tidak melebihi 10 tahun; Sebatan. |

Sumber: Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017

Peruntukan kesalahan ini bertujuan untuk melindungi kanak-kanak dan mencegah mereka daripada menjadi mangsa penderaan seksual. Penderaan seksual tersebut tidak semestinya berlaku kepada mangsa kanak-kanak. Negara Singapura umpamanya telah meminda akta jenayah mereka dengan meletakkan kesalahan pengantunan kanak-kanak yang berumur bawah 16 tahun ke dalam seksyen 376E Penal Code (Amendment) Act 2007. Pindaan ini telah mengambil aspirasi dari seksyen 15 United Kingdom Sexual Offences Act 2003 di mana seseorang pelaku jenayah boleh didakwa sebelum mereka bertemu secara berdepan dengan mangsa sekurang-kurangnya dua kali pertemuan sama ada secara bersemuka atau secara atas talian.



## Amang Seksual

Kesalahan ketiga yang dibincangkan di dalam bahagian IV Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 ialah amang seksual. Kesalahan ini terbahagi kepada amang seksual fizikal dan amang seksual bukan fizikal. Seseorang yang menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak, membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang tersebut atau orang lain, membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badannya sendiri, atau melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan dikatakan telah melakukan kesalahan amang seksual secara fizikal.

Manakala bagi kesalahan amang seksual bukan fizikal ialah apabila seseorang individu bagi maksud seksual, mengatakan apa-apa perkataan atau membuat apa-apa bunyi atau gerak isyarat atau menunjukkan apa-apa objek atau badannya atau mana-mana bahagian badannya dengan niat bahawa perkataan atau bunyi itu hendaklah didengari dan dilihat oleh seseorang kanak-kanak, membuatkan kanak-kanak tersebut menunjukkan badannya atau mana-mana bahagian badannya supaya dapat dilihat oleh orang itu atau orang lain, mengikuti, memerhati atau menghubungi seseorang kanak-kanak dengan apa-apa cara secara berulang kali atau kerap, mengugut untuk menggunakan apa-apa gambaran sama ada dalam bentuk visual, audio, tulisan atau gabungan visual, audio dan tulisan, atau apa-apa cara lain mengenai apa-apa bahagian badan seseorang kanak-kanak atau aktiviti seksual seseorang kanak-kanak.

Selain itu seseorang individu turut dianggap melakukan kesalahan amang seksual bukan fizikal apabila melakukan aktiviti yang bersifat seksual di hadapan seseorang kanak-kanak, menyebabkan seseorang kanak-kanak itu memerhati seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual, menyebabkan seseorang kanak-kanak memerhati atau mendengar apa-apa gambaran sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual, atau membuatkan seseorang kanak-kanak melakukan aktiviti yang bersifat seksual.

Jadual 3 di bawah menjelaskan kesalahan-kesalahan dan hukuman berkaitan amang seksual fizikal dan bukan fizikal ke atas kanak-kanak seperti yang diperuntukan dalam Bahagian IV Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017. Peruntukan berkaitan amang seksual dalam Bahagian IV Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 ini bertujuan untuk menghindarkan seorang kanak-kanak dari sebarang bentuk serangan atau gangguan seksual. Kesalahan-kesalahan di dalam Bahagian IV ini boleh terpakai kepada sesiapa sahaja termasuk ibu bapa, stesen televisyen, editor atau syarikat percetakan majalah. Sehubungan itu, semua pihak perlu mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan sebarang perlakuan seksual sebenar atau gambaran berbentuk visual, audio atau tulisan tidak dipertontonkan kepada kanak-kanak.



Jadual 3 : Kesalahan berkaitan Amang Seksual Fizikal dan Bukan Fizikal

| Seksyen                 | Kesalahan   | Hukuman   |
|-------------------------|---|---|
| 14,<br>Huraian<br>1 & 2 | Amang Seksual Fizikal:<br>a. menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak;<br>b. membuatkan kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang tersebut atau orang lain;<br>c. membuatkan kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badannya sendiri;<br>d. melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan.  | Penjara tidak melebihi 20 tahun;<br>Sebatan.  |
| 15,<br>Huraian<br>1 & 2 | Amang Seksual Bukan Fizikal:<br>a. menunjukkan apa-apa objek atau badannya atau mana-mana bahagian badannya dengan niat bahawa perkataan atau bunyi itu hendaklah didengari dan dilihat oleh seseorang kanak-kanak;<br>b. membuatkan kanak-kanak tersebut menunjukkan badannya;<br>c. mengikuti, memerhati atau menghubungi seseorang kanak-kanak dengan apa-apa cara secara berulang kali atau kerap (mengendap atau mengintip);<br>d. mengugut untuk menggunakan apa-apa gambaran mengenai bahagian badan kanak-kanak atau aktiviti seksual seseorang kanak-kanak.<br>e. melakukan aktiviti yang bersifat seksual di hadapan seseorang kanak-kanak;<br>f. kanak-kanak itu memerhati seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual;<br>g. membuatkan seseorang kanak-kanak melakukan aktiviti yang bersifat seksual. | Penjara tidak melebihi 10 tahun;<br>Denda tidak melebihi RM20,000; atau kedua-duanya. |

Sumber: Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017

## Hukuman

Hukuman maksimum bagi kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan di dalam Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 ini ialah penjara sehingga 30 tahun, denda RM20,000 dan minimum enam kali sebatan. Kebanyakan hukuman bagi kesalahan-kesalahan di dalam Akta ini adalah bersifat "conjunctive" dan bukan berupa pilihan. Ini bermakna semua hukuman yang termaktub dalam peruntukan tersebut perlu dilaksanakan tanpa gagal. Sebagai contoh, bagi kesalahan membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak, pesalah dikehendaki menjalani hukuman penjara tidak melebihi 30 tahun dan sebatan tidak kurang enam kali.



Seksyen 25 Akta 792 memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman sebat kepada pelaku jenayah lelaki yang berumur lima puluh tahun ke atas walaupun seksyen 289(c) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa pesalah yang berusia 50 tahun dan ke atas tidak boleh dikenakan hukuman sebatan kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 376, 377C, 377CA dan 377E Kanun Keseksaan. Peruntukan seksyen 25 tersebut adalah seiring dengan Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017 yang telah memperuntukkan hukuman sebat sebagai hukuman mandatori terhadap pelaku jenayah seksual.

Secara asasnya pemenjaraan bagi tempoh masa yang panjang di antara 20 hingga 30 tahun merupakan satu cara untuk mengurus penjenayah bagi kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak di kebanyakan negara (David Finkelhor, 2009) dan tempoh tersebut adalah memadai. Namun di Indonesia, pesalah jenayah seksual kanak-kanak di negara itu dikenakan hukuman kembiri secara kimia dan hukuman mati bagi kesalahan merogol kanak-kanak selain turut dipakai alat penjejak elektronik bagi membolehkan pihak berkuasa mengawal aktiviti mereka sepanjang masa selepas dibebaskan dari hukuman penjara. Pesalah juga akan dimandulkan dengan penggunaan ubat-ubatan tertentu yang mampu untuk merendahkan paras testosteron dan tabiat seksual mereka. Hukuman serupa juga pernah dicadangkan untuk dilaksanakan di India bagi menangani keseriusan jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak (Gill, A.K & Harrison, K, 2013).

Selain dari hukuman berat tersebut, Akta ini turut memberi penekanan kepada aspek pemulihan pesalah. Seksyen 26 memperuntukkan kaunseling pemulihan boleh diberikan kepada pesalah sebagai hukuman tambahan ketika menjalani hukuman di penjara. England dan Wales umpamanya telah memperkenalkan program pemulihan pesalah sebagai usaha untuk mengurangkan risiko pengulangan jenayah dalam kalangan pesalah seksual (G. Wobner, 2017). Sebaik sahaja pesalah dibebaskan dari penjara, seksyen 27(1) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 memperuntukkan mahkamah hendaklah mengarahkan supaya pesalah diletakkan di bawah pengawasan polis di antara satu hingga tiga tahun.

Selain dari hukuman yang melibatkan pesalah jenayah, orang yang mempunyai perhubungan amanah seperti ibu atau bapa, penjaga atau saudara mara seibu atau sebapa, keluarga angkat, pengasuh, guru, pensyarah, warden tadika, sekolah, institusi pengajian tinggi awam atau institusi pengajian tinggi swasta atau mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan yang terlibat atau bersubahat dengan kesalahan-kesalahan seksual tersebut akan diberikan hukuman tambahan iaitu penjara tidak melebihi lima tahun dan hukuman sebat minimum dua kali. Peruntukan ini memberi amaran bahawa seseorang yang diberikan tanggungjawab untuk melindungi kanak-kanak mestilah amanah dengan tanggungjawab tersebut. Mengambil kira dapatan kajian yang mengatakan bahawa lebih dari 90% kanak-kanak menjadi mangsa penderaan seksual kepada orang yang mereka kenali, peruntukan ini adalah bertepatan untuk menangani senario kes kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.



## ISU-ISU BERKAITAN PEMAKAIAN DAN PELAKSANAAN AKTA

Tujuan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 digubal adalah untuk menangani kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dengan mewujudkan hukuman tambahan kepada kesalahan-kesalahan seksual sedia ada selain mengadakan peruntukan undang-undang mengenai pentadbiran keadilan bagi kanak-kanak. Akta ini adalah terpakai kepada sesiapa sahaja iaitu pesalah yang berumur 18 tahun dan ke atas. Seksyen 24 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 menegaskan bahawa pesalah yang melakukan mana-mana kesalahan di dalam Akta ini akan menjalani hukuman yang telah diperuntukkan tanpa mengambil kira faktor mitigasi lain seperti perlepasan bersyarat (seksyen 173A Kanun Tatacara Jenayah ), pesalah muda berusia 18 hingga 21 tahun (seksyen 293 Kanun Tatacara Jenayah) dan pesalah kali pertama (seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah). Namun sekiranya pelaku jenayah tersebut adalah dalam kalangan kanak-kanak, hukuman yang akan diberikan adalah mengikut perintah yang telah diperuntukkan pada seksyen 91 Akta Kanak-kanak 2001 antaranya bon berkelakuan baik, perintah percubaan, tahanan institusi di Sekolah Henry Gurney, pembayaran denda, pampasan atau kos dan perintah khidmat masyarakat.

Selain itu, Akta 792 ini adalah bersifat "*extra-territorial*" iaitu turut terpakai di luar wilayah. Seksyen 3 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 memperuntukkan sekiranya kesalahan-kesalahan seksual tersebut dilakukan oleh warganegara Malaysia terhadap mana-mana kanak-kanak di luar Malaysia, dia juga boleh didakwa di bawah Akta ini. Ini kerana kesalahan seperti pornografi dan pengantunan boleh berlaku di luar sempadan Malaysia. Umpamanya di dalam kes Richard Huckle, Huckle (seorang warganegara Britain) telah dituduh di bawah Seksyen 72 Akta Kesalahan Seksual 2003 yang membolehkannya didakwa dan dibicarakan di Mahkamah England bagi kesalahan-kesalahan seksual yang telah dilakukannya di luar negara (Salleh Buang, 1 Julai 2016).

Walaupun beberapa peruntukan di dalam Akta ini mengambil aspirasi dari perundangan dari luar negara seperti The Sex Crimes Against Children Prevention Act of 1995 (Amerika Syarikat), UK's Sexual Offences Act 2003, The Sexual Offences (Scotland) Act 2009 dan The Protection Of Children From Sexual Offences Act, 2012 (India) namun "*sweetheart defense*" yang diperuntukkan dalam perundangan-perundangan tersebut adalah tidak terpakai di dalam Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 ini. United Kingdom umpamanya memberi pengecualian kepada kesalahan-kesalahan seksual di dalam kes yang melibatkan kanak-kanak berumur 16 hingga 17 tahun dengan seseorang yang berumur beza umur tiga tahun dengan mereka iaitu antara 19 ke 20 tahun dengan alasan mempunyai hubungan kekasih. Peruntukan seumpamanya telah ditiadakan di dalam Akta ini kerana kerajaan Malaysia mengambil serius akan hubungan seksual sebelum berkahwin di kalangan kanak-kanak yang jelas bertentangan dengan agama Islam dan moral.



## KES-KES TERAWAL DIHADAPKAN KE MAHKAMAH

Kes pertama yang didengar di dalam mahkamah jenayah khas di Putrajaya ialah kes Mohd. Nazrin Rabuan. Mohd Nazrin yang berusia 21 tahun telah ditangkap oleh polis kerana melakukan jenayah seksual dengan memeluk mangsa iaitu seorang pelajar perempuan yang berusia 15 tahun dari belakang. Tindakan tertuduh boleh diklasifikasikan sebagai melakukan sentuhan fizikal tanpa persetujuan. Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan. Hakim Yong Zarida Sazali telah menjatuhkan hukuman penjara selama enam bulan kepada tertuduh (Malaymail Online, 5 Ogos 2017). Kes seterusnya ialah pada 11 Ogos 2017 apabila tertuduh, Muhammad Firdaus Azmi yang berusia 27 tahun telah melakukan sentuhan seksual secara fizikal di bawah seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Tertuduh telah melakukan perbuatan tersebut terhadap mangsa yang berusia 16 tahun kira-kira jam 7.15 pagi pada 7 Ogos 2017 di tempat awam di Shah Alam (Norlizah Abas, 12 Ogos 2017).

Terdapat beberapa kes yang didakwa di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Antaranya kes yang berlaku di Kota Samarahan, Sarawak yang melibatkan seorang suspek berusia 22 tahun yang telah mencium dan memasukkan jari ke dalam bahagian sulit kanak-kanak yang berusia 5 tahun. Kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 14(a) dan (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Suspek bakal berdepan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebatan jika disabitkan dengan kesalahan tersebut (Md. Azrin Rosly, 31 Julai 2017). Dalam perkembangan terkini, Datuk Seri Azalina Othman ketika menjawab pertanyaan dari Dato' Sri Hasan bin Malek dalam Dewan Rakyat pada 12 Mac 2018 menjelaskan sebanyak 341 daripada 382 kes yang telah didaftarkan sejak penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak pada Julai 2017 hingga Februari 2018 telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa kurang dari satu tahun. Ini merupakan perkembangan yang baik berhubung pelaksanaan Akta ini bagi menangani kes kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

## KESIMPULAN

Mengambil kira statistik dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang menjelaskan 5.8 peratus atau 1.8 juta pengguna internet adalah kanak-kanak iaitu mereka yang berumur bawah 18 tahun (Malaymail Online, 5 Disember 2017). Ini menunjukkan kanak-kanak berisiko untuk menjadi mangsa kepada ancaman jenayah siber seperti pornografi dan pengantunan kanak-kanak (*child sexual grooming*) (Mohd Dahalan & Ida Shafinaz, 2010). Penggubalan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 ini adalah tepat pada masanya bagi mengatasi kes eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak. Secara asasnya Akta ini telah meluaskan skop jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang kini meliputi kesalahan pornografi, pengantunan kanak-kanak (*child sexual grooming*) dan amang seksual. Peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak ini telah dimasukkan dengan berhati-hati ke dalam Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-



kanak 2017. Ini bagi mengelakkan berlakunya pertindihan dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Kanak-Kanak 2001, Kanun Tatacara Jenayah, Kanun Keseksaan dan juga Akta Keterangan 1950.

Walaupun Akta ini dilihat seperti undang-undang drakonian dan agak tegas terutamanya dari segi pemberian hukuman maksimum dan bersifat mandatori kepada pesalah serta tiada pengecualiaan hukuman sebat kepada pesalah berumur lima puluh tahun ke atas tetapi Akta ini turut menitikberatkan pemulihan terhadap pesalah. Pesalah akan menjalani kaunseling pemulihan sebagai hukuman tambahan ketika menjalani hukuman di penjara. Peruntukan berkaitan hukuman tambahan lima tahun penjara kepada orang yang mempunyai perhubungan amanah seperti ibu atau bapa, penjaga atau saudara mara seibu atau sebapa dan yang berkaitan dengannya secara tidak langsung kembali meletakkan tanggungjawab perlindungan terhadap kanak-kanak kepada mereka yang memikul tanggungjawab tersebut.

Selain itu, pemakaian akta ini juga agak luas dan merentas sempadan. Seseorang boleh didakwa di bawah Akta ini bagi kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang dilakukannya di dalam atau di luar Malaysia. Ini menunjukkan usaha untuk melindungi kanak-kanak bukan sahaja terpakai kepada kanak-kanak di Malaysia sahaja tetapi meliputi kanak-kanak seluruh dunia. Malaysia sebagai sebuah negara yang telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC) pada 1995 telah mengambil langkah pro-aktif dalam menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini. Artikel 34 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC) memperuntukkan bahawa setiap negara anggota mestilah mengambil langkah sewajarnya untuk mencegah sebarang dorongan atau paksaan kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti seks yang menyalahi undang-undang, mengeksploitasi kanak-kanak dalam pelacuran dan bahan lucah. Ini adalah selari dengan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak 2009 yang turut menekankan aspek perlindungan terhadap pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak.

Sehubungan itu penggubalan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 adalah sangat bertepatan sebagai salah satu langkah menangani kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Malah perundangan seumpamanya telah digubal oleh beberapa buah negara di dunia seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Scotland dan India dalam membanteras kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak di negara mereka.

## **RUJUKAN**

Craven, Samantha, Sarah Brown, and Elizabeth Gilchrist. 2006. "Sexual Grooming of Children: Review of Literature and Theoretical Considerations." *Journal of Sexual Aggression* 12(3):287-299. doi:10.1080/13552600601069414.

David Finkelhor (2009) The Prevention of Childhood Sexual Abuse. *The Future of Children*. Vol. 19 / No. 2 / Fall 2009. 169-194.



- Gill, A.K & Harrison, K, (2013). Sentencing Sex Offenders in India: Retributive Justice versus Sex-Offenders Treatment Programmes and Restorative Justice Approaches. *International Journal of Criminal Justice Sciences*, 8(2), 166-181.
- G. Wobner (2016) *Women and Children as Victims of Sex Offences: Crime Prevention by Treating the Offenders*. Switzerland: Springer International Publishing.
- Georgia M. Winters & Elizabeth L. Jeglic (2017) Stages of Sexual Grooming: Recognizing Potentially Predatory Behaviors of Child Molesters, *Deviant Behavior*, 38:6, 724-733, DOI: 10.1080/01639625.2016.1197656.
- Jabatan Perangkaan Negara. 2017. Siaran Akhbar Statistik Kanak-kanak Malaysia 2017. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=aVIOR3hrdFM0TIRZV0VpakFGTWpQUT09>.
- Malaymail Online. 4 Ogos 2017. Pesalah Pertama Akta Kesalahan Seksual Dipenjara. <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/pesalah-pertama-akta-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dipenjara>.
- Malaymail Online. 5 Ogos 2017. Ruangan Mahkamah: Tertuduh Pertama Dihukum Mengikut Akta Kesalahan- kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak. <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/pesalah-pertama-akta-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dipenjara#SsyCXG2zEbBkcA8u.97>.
- Malaymail Online. 5 Disember 2017. 1.8 Juta Pengguna Internet di Malaysia Bawah 18 Tahun. <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/1.8-juta-pengguna-internet-di-malaysia-bawah-18-tahun>.
- Malaysiandigest.com. 7 Julai 2017. Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak Berkuat kuasa 10 Julai- Azalina. <http://malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/685305-akta-jenayah-seksual-kanak-kanak-berkuat-kuasa-10-julai-azalina.html>.
- Md. Azrin Rosly. 31 Julai 2017. Utusan Online. Pengganggu ditangkap Didakwa Masuk Jari ke Kemaluan Anak Saudara. <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pengganggu-ditangkapdidakwa-masuk-jari-ke-kemaluan-anak-saudara-1.509562>.
- Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamed Kamil, (2010) Jenayah dan Masalah Sosial di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Dunia Siber. Dlm: *Program Jenayah Cyber dan Isu Perdagangan Manusia di Malaysia*, 26 Aug 2010, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. t.p.
- Mohd Husni Mohd Noor. 22 Jun 2017. Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak pertama di Asia Tenggara. Mymetro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2017/06/239692/mahkamah-jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanak-pertama-di-asia-tenggara>.



- Norlizah Abas. 12 Ogos 2017. Utusan Online. Lelaki Baru Kahwin Didakwa Sentuh Gadis. <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/lelaki-baru-berkahwin-didakwa-sentuh-gadis-1.513968>.
- Parlimen Malaysia (Laman web Rasmi). 2017. <http://www.parlimen.gov.my/index.php?lang=en>.
- Pereda N et al. (2009) The International Epidemiology of Child Sexual Abuse: A Continuation of Finkelhor. *Child Abuse & Neglect*. 33(6):331-42. doi: 10.1016/j.chiabu.2008.07.007.
- Rohani Abdul Karim. Perutusan dalam Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan. 13-14 Mac 2017, PWTC Kuala Lumpur.
- Salleh Buang. 1 Julai 2016. Menanti Undang-undang Jenayah Pedofilia. Utusan Online. <http://m.utusan.com.my/rencana/utama/menanti-undang-undang-jenayah-pedofilia-1.348831>.
- Salleh Buang. 8 September 2017. Akta 792 Lindungi Kanak-kanak. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/akta-792-lindungi-kanak-kanak-1.523933>.
- Seto, M. C., Cantor, J. M., & Blanchard, R. (2006). Child Pornography Offenses Are a Valid Diagnostic Indicator of Pedophilia. *Journal of abnormal psychology*, 115(3), 610.
- Syukri Shaari & Farhana Joni. 14 Mac 2017. Komited Lindungi Kanak-kanak. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/komited-lindungi-kanak-kanak-1.456773>.
- United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF) Malaysia. September 2010. Penderaan Kanak-kanak: Penderaan Seksual. <https://www.unicef.org/malaysia/GetonBoard-Fakta-Penderaan-Seksual.pdf>.
- Utusan Online. 29 September 2007. Kronologi Kes Nurin Jazlin. [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0929&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je\\_03.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0929&pub=Utusan_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je_03.htm)
- World Health Organization (WHO). 1999. WHO Consultation on Child Abuse Prevention. [http://www.who.int/violence\\_injury\\_prevention/resources/publications/en/guidelines\\_chap7.pdf](http://www.who.int/violence_injury_prevention/resources/publications/en/guidelines_chap7.pdf)
- YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif (Ketua Hakim Negara). Ucapan alu-aluan sempena Majlis Perasmian Mahkamah Jenayah Seksual terhadap Kanak-kanak. 22 Jun 2017. Istana Kehakiman, Putrajaya.



### **Konvensyen Antarabangsa**

Budapest Convention (European Treaty Series - No. 185)  
Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC)

### **Penyata Rasmi Parlimen**

Penyata Rasmi Parlimen Bilangan 17 bertarikh 3 April 2017 Dewan Rakyat Parlimen ke-13 Penggal Ke-5, Mesyuarat Pertama (DR 3.4.2017)

Penyata Rasmi Parlimen Bilangan 18 bertarikh 4 April 2017 Dewan Rakyat Parlimen ke-13 Penggal Ke-5, Mesyuarat Pertama.

Penyata Rasmi Parlimen Bilangan 5 bertarikh 12 Mac 2018 Dewan Rakyat Parlimen ke-13 Penggal Ke-6, Mesyuarat Pertama (DR 12032018)

Pemberitahuan Pertanyaan Bagi Jawapan Bukan Lisan Mesyuarat Pertama. Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas. Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Soalan Nombor 358 oleh YB Tuan Ahmad Marzuk Shaary kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 7 Mac 2016.

### **Rang Undang-undang, Statut dan Kanun Keseksaan**

Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016.

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017.

Crimes Act 1900 (New South Wales, Australia).

Crimes Amendment (Sexual Offences) Act 2008 (New South Wales, Australia).

Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017.

Kanun Tatacara Jenayah.

Penal Code (Amendment) Act 2007 (Singapura).

Rang Undang-undang Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (D.R. 6/2017).

UK Sexual Offences Act 2003.